

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Ko-Kurikulum
Sent: 07 Jun 2016 12:22
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PELAJAR KOKURIKULUM UUM AKAN TERIMA SIJIL KATERING KOLEJ KOMUNITI



Pusat Kokurikulum
CO-CURRICULUM CENTRE
Universiti Utara Malaysia



7 JUN 2016 / 2 RAMADHAN 1437H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Yang Berbahagia Dato' Seri/Datin Seri/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan/Saudara/i:



SINTOK – Pelajar Katering Pusat Kokurikulum Universiti Utara Malaysia (UUM) yang mengikuti kursus selama empat semester secara praktikal mengikut gabungan modul Pusat Kokurikulum UUM dan Kolej Komuniti Bandar Darulaman (KKBD) akan menerima Sijil Katering daripada KKBD.

Pengarah Pusat Kokurikulum UUM Prof. Madya Dr. Hussin Abdullah berkata, penyelarasan ini dicapai setelah mengadakan perbincangan dengan KKBD 23 Mei lalu di Bilik Mesyuarat Pusat Kokurikulum kampus ini yang dihadiri oleh Rogayah Desa, Ketua Unit Katering KKBD.

Dalam perbincangan itu pihak Kolej amat berminat untuk bekerjasama dengan Pusat Kokurikulum UUM bagi meningkatkan kemahiran pelajar yang terarah kepada konsep “hand on”.

Katanya, melalui keputusan itu pelajar yang mengikuti kursus ini berpeluang menjalani kursus secara praktikal dalam bidang katering mengikut kesesuaian gabungan modul kedua pihak iaitu proses makanan yang berasaskan tepung dan bakeri serta pelbagai jenis biskut klasik dan moden.

‘Mengikut rekod, sebelum ini Kolej Komuniti telah menjalankan kerjasama pensijilan dengan Pusat Kokurikulum dalam kursus Asas Penyelenggaraan Kenderaan mulai Semester A141’. Seramai 67 orang pelajar yang merupakan kumpulan pertama telah tamat dan menerima Sijil Asas Penyelenggaraan Kenderaan tersebut pada Semester A152 ini.

Sijil Kolej Komuniti ini adalah sebagai nilai tambah dan berdaya saing kepada graduan lulusan UUM bagi memenuhi pasaran kerja ataupun persiapan untuk berdikari bagi memulakan perniagaan secara kecil-kecilan selaras hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi agar graduan turut menjadi penjana pekerjaan berbanding pencari pekerjaan.

Habis.

=====

DARIPADA:
PUSAT KOKURIKULUM
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3506
FAKS: 04-928 3502

